TIMBALAN PERDANA MENTERI

KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT JAWATANKUASA PETUGAS (TASK FORCE)
PENAMBAHBAIKAN TAMAN INDUSTRI HALAL BIL.1/2024

Hari ini saya mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Petugas (Task Force) Penambahbaikan Taman Industri Halal yang bertujuan untuk membincangkan inisiatif Penambahbaikan Taman Industri Halal HALMAS sebagai susulan daripada Majlis Pembangunan Industri Halal (MPIH) yang telah diadakan pada 10 Jun 2024.

Berdasarkan daripada kajian Cost Benefit Analysis (CBA) yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) serta Halal Development Corporation (HDC), hanya mencatatkan 11 peratus daripada keseluruhan Taman Industri Halal yang telah dibangunkan sejak tahun 2009. Pada masa yang sama hanya tiga (3) daripada 14 buah taman industri halal telah mencatatkan peratusan penggunaan tanah melebihi 70 peratus iaitu di POIC Tanjung Langsat, Techpark @Enstek dan Melaka Halal Hub.

Oleh yang demikian, saya telah mengumumkan dalam mesyuarat MPIH yang lepas agar Pasukan Petugas Khas ditubuhkan untuk membincangkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh operator Taman Industri Halal serta mengemukakan cadangan bagi meningkatkan keberkesanan Taman Industri Halal.

Justeru, dalam mesyuarat hari ini didapati beberapa isu seperti kekurangan insentif dan panduan yang jelas bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan (PMKS), kemudahan infrastruktur yang tidak mencukupi, keterbatasan rangkaianpengangkutan awam dan kuralngnya strategi promosi dalam usaha menarik pelabur asing telah dikenalpasti.

Sebagai langkah penambahbaikan mesyuarat juga bersetuju untuk Halal Development Coorporation (HDC) dilantik sebagai sekretariat kepada Jawatankuasa Petugas (Task Force) Penambahbaikan Taman Industri Halal dan Sekretariat Majlis Halal Malaysia, pemberian insentif kepada Industri halal akan diumum ketika Bajet, keperluan untuk memasarkan jenama tempatan melalui kaedah Original Equipment Manufacturer (OEM), keperluan kepada bahan-bahan halal ditambah luas.

Dengan erti kata lain, satu pendekatan secara holistik perlu diambil memandangkan potensi dan permintaan produk halal yang luas harus dimanfaatkan oleh pemain industri tempatan. Fokus harus diberikan bagi membangunkan taman industri halal agar ia dapat menjadi sebagai hub untuk mengeluarkan dan mengedarkan produk halal untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan dan antarabangsa yang semakin meningkat.

Taman industri halal yang berjaya perlu mempunyai kesan limpahan positif ke atas ekonomi negara. Pembangunan kesemua 14 taman industri halal yang berkeluasan keseluruhan 13,533.11 ekar ini akan berupaya untuk menarik pelaburan tempatan dan asing, seterusnyamewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Saya berharap agar platform pada hari ini yang mengabungkan kerajaan persekutuan dan negeri dapat dioptimakan dengan sebaik-baiknya oleh operator taman industri halal bagi mengutarakan masalah-masalahyang dihadapi.

Akhir sekali, saya menggesa agar kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, agensi serta operator agar bekerjasama dalam membangunkan taman industri halal. Saya yakin bahawa strategi yang komprehensif dan kerjasama bersepadu yang kukuh akan dapat menyumbang ke arah pembangunan dan penggunaan taman industri halal yang optimum.

Ahmad Zahid Hamidi
Timbalan Perdana Menteri
Pengerusi Majlis Pembangunan Industri Halal (MPIH)
27 Ogos 202


Taman-Taman Industri Halal di Malaysia

- HALMAS merupakan akreditasi yang diberikan kepada operator Taman Industri Halal yang telah mematuhi syarat-syarat dan tatacara yang terdapat dalam *HDC Designated Halal Park Development Guidelines*.
- Melalui status HALMAS, semua syarikat pelabur dan pemain industri yang beroperasi dalam Taman Industri Halal layak memohon tawaran insentif pengecualian cukai pendapatan.

14
TAMAN INDUSTRI HALAL

halmas

Keluasan Tanah: 13,553.11 ekar



Kategori dan Penggunaan Tanah Berdasarkan Maklumbalas

Peratusan Dibangunkan	Taman Industri Halal HALMAS	Keluasan Tanah yang Dibangunkan (ekar)	Peratusan (%)
76 - 100	**POIC Tanjung Langsat**	295.0	86.0
	Techpark@enstek	799.0	79.0
	Melaka Halal Hub	107.1	79.0
51 – 75	**PKFZ Flagship**	50.0	74.2
	Iskandar Halal Park	48.01	67.0
	Kota Kinabalu Halal Park	58.75	53.3
26 - 50	**Selangor Halal Hub**	467.0	46.7
	Gambang Halal Park	66.8	39.3
	PERDA Halal Park	63.0	38.0
	Penang International Halal Park	68.2	34.1
	Pasir Mas Halal Park	33.7	31.0
	Pedas Halal Park	26.8	26.8
0- 25	**Tanjung Manis Halal Hub**	406	4.1
	POIC Lahad Datu	0	0